

Gaji diklasifikasikan sulit, tidak perlu dipamerkan kepada umum - MEF

Oleh [Tuty Haryanti Ahmad Rodzi](#) - Ogos 28, 2023 @ 9:18am

bhnews@bh.com.my



Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) berpendapat adalah tidak wajar untuk mewajibkan majikan menyatakan skim tangga gaji yang ditawarkan. - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) berpendapat adalah tidak wajar untuk mewajibkan majikan menyatakan skim tangga gaji yang ditawarkan.

Presiden MEF, Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman, berkata ini kerana gaji adalah perkara yang diklasifikasikan sebagai sulit dan tidak perlu dipamerkan kepada umum.

Katanya, antara teras dalam kerangka Ekonomi Madani diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah untuk meningkatkan daya saing Malaysia ke tangga ke-12 teratas global. Salah satu elemen terpenting dalam menentukan daya saing sesebuah negara adalah kemudahan untuk berurus niaga.

"Oleh itu dikhuatiri cadangan untuk menggubal undang-undang yang mewajibkan majikan mempamerkan julat gaji di dalam iklan jawatan akan dilihat sebagai tidak mesra pelabur.

"Selain itu, ia juga akan menyukarkan hasrat negara untuk mencapai tangga ke-12 teratas daya saing dunia dalam masa 10 tahun akan datang," katanya kepada BH.



Presiden MEF, Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman. - Foto fail BERNAMA

Sabtu lalu, Ahli Parlimen Muar, **Syed Saddiq Syed Abd Rahman** mencadangkan kerajaan menggubal Akta Iklan Gaji supaya majikan di negara ini diwajibkan mengiklankan tangga gaji bagi pekerjaan yang ditawarkan.

Beliau dilaporkan berkata, ketika ini majikan tidak diwajibkan berbuat demikian seperti negara maju lain, sekali gus menyebabkan pekerja termasuk graduan meletakkan tangga gaji yang lebih rendah kerana kekurangan maklumat mengenai pekerjaan yang ditawarkan.

Bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia akan meneliti cadangan penggubalan akta berkenaan.

Menterinya V Sivakumar dilaporkan berkata, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, setiap cadangan yang memberi manfaat kepada rakyat akan diteliti sebaik mungkin.

Mengulas lanjut, Syed Hussain berkata, walaupun ada sesetengah **majikan mempamerkan julat gaji** dalam iklan untuk menarik bakat menyertai majikan, ia tidak akan dapat menyelesaikan isu gaji permulaan yang dikatakan rendah untuk lepasan diploma dan ijazah.

Katanya, ada organisasi berpandangan mendedahkan julat gaji adalah baik kerana ia akan menjelaskan harapan pemohon kerja dan menarik calon yang tepat.

"Sebahagian organisasi lain mungkin berpendapat, perkara berkenaan gaji perlu dibincangkan secara peribadi dan hanya menunjukkan senarai kelayakan serta kemahiran diperlukan untuk menarik calon yang tepat," katanya.

Justeru beliau berkata, MEF berpendapat terpulang kepada sesebuah organisasi untuk melakukan apa yang menjadi budaya masing-masing asalkan gaji ditawarkan selaras dengan kelayakan mereka.

Katanya, ini kerana pada akhirnya gaji akan ditentukan setelah calon tepat dipilih dan dalam kebanyakan kes, mereka akan ditawarkan gaji dalam julat gaji yang dilaksanakan.